

Jenis Akhbar : Utusan Malaysia  
Tarikh : 28/02/2019  
Edisi / Muka Surat : Nasional / 12  
Tajuk : 600 koperasi kredit patuh syariah



**ABDUL FATTAH ABDULLAH (tiga dari kiri) menyerahkan sijil Pematuhan Syariah 2018 dalam Majlis Penutupan Konvensyen Kebangsaan Kewangan Islam di Bangi, Selangor, semalam. - UTUSAN/MOHD. NAJIB MOHD. NOR**

## 600 koperasi kredit patuh syariah

**KUALA LUMPUR 27 Feb.-** Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia (Angkasa) akan memperluaskan skim kewangan patuh syariah dengan menasarkannya sebanyak 600 koperasi yang menawarkan kemudahan kredit dalam tempoh tiga tahun akan datang.

Presiden Angkasa, Datuk Abdul Fattah Abdullah berkata,

sistem tersebut yang lebih telus penting bagi meningkatkan keyakinan dalam kalangan peminjam, sekali gus mampu meningkatkan jumlah pendapatan koperasi terlibat.

Setakat ini katanya, lebih 200 koperasi kredit yang berjaya mendapat pengiktirafan Angkasa dalam mematuhi sistem

kewangan patuh syariah.

“Patuh syariah bersifat universal. Sekarang pun kita telah mulakan dengan banyak produk patuh syariah dan kerajaan sendiri telah mengiktirafnya,” katanya ketika ditemui pemberita dalam Majlis Perasmian Penutup Konvensyen Kebangsaan Kewangan Islam di sini hari ini.

Perpustakaan Koperasi  
Malaysia ANGKASA